P.SENI
VISUAL
2611/1
Kertas 1

1 jam 15 m

SMK JALAN TIGA
BANDAR BARU BANGI
SELANGOR DARUL EHSAN

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

NAMA : ........................................................ TINGKATAN : .......................

# PENDIDIKAN SENI VISUAL

**Kertas 1**
Satu jam 15 min

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **50** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan berikut*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A,B,C dan D.Bagi tiap-tiap soalan,pilih satu jawapan sahaja.Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas ini mengandungi 13 halaman bercetak

[Lihat sebelah]

**JAWAB SEMUA SOLAN BERIKUT.**

1. Antara rekaan dalam gambar rajah di bawah, yang manakah dibentuk oleh garisan pancaran?


I.


II.


III.


IV.

A. I dan II.
B. I dan IV.
C. II dan III.
D. III dan IV.

2. Berdasarkan gambar rajah di bawah, yang manakah menunjukkan bentuk?


A.


B.


C.


D.

3. Di antara bentuk mata pen kaligrafi di bawah, yang manakah digunakan oleh penulis tangan kiri?

A.


B.


C.


D.


4. Antara berikut, illustrasi yang manakah menunjukkan rupa?


A.


B.


C.


D.

5. Cahaya pelangi yang berwarna-warni dan kadang-kadang kelihatan melengkung di udara merupakan warna_________.

A. sewarna.
B. tertier.
C. harmoni.
D. penggenap

6. Mengapakah jalinan penting dalam sesuatu karya seni visual?

I. Menimbulkan bentuk dan ruang
II. Menjadikan hasil karya lebih menarik
III. Menjadikan hasil karya lebih realistik
IV. Jalinan perlu wujud pada semua karya seni

A. I, II dan III.
B. I, II dan IV.
C. I, III dan IV.
D. II, III dan IV.



7. Antara berikut, yang manakah sesuai digunakan sebagai garisan rangka untuk melukis corak pokok di atas?



I. II. III. IV.

A. I dan III.
B. I dan IV.
C. II dan IV.
D. III dan I.



8. Apakah prinsip rekaan yang paling jelas terdapat dalam gambar rajah di atas?
A. Kontra.
B. Imbangan.
C. Penegasan .
D. Pergerakan



I.



II.



III.

9. Berdasarkan gambar rajah di atas, yang manakah menggunakan prinsip kontra dalam gubahannya.

A. I dan II.
B. I dan III.
C. II dan III.
D. I, II dan III.

**Soalan 10** *berdasarkan gambar rajah di bawah.*







10. Gambar rajah di atas menunjukkan reka bentuk_________.

A. iklan.
B. label.
C. poster.
D. simbol.

11. Antara yang berikut, yang manakah unsur terpenting bagi perwujudan identiti korporat?
A. Logo syarikat.
B. Bangunan syarikat.
C. Hasil pengeluaran syarikat.
D. Pembungkusan hasil pengeluaran.



12. Susunan meja pelajar dalam kelas seperti gambar rajah di atas kelihatan harmoni. Antara berikut, unsur seni manakah yang terlibat dalam mewujudkan keharmonian tersebut?

A. Rupa.
B. Ruang.
C. Bentuk.
D. Garisan.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan animasi?

A. Siri grafik pegun dipaparkan secara berterusan dan membentuk satu ilusi pergerakan.
B. Objek yang ditransformasi kepada bentuk lain yang bersifat dinamik.
C. Pelbagai elemen media digunakan dalam aplikasi multimedia dan digabungkan bersama penggunaan perisian pengarangan multimedia.
D. Dokumen elektronik di jaringan web yang mengandungi teks,grafik,audio dan video.

14. Alat dan media ini kurang sesuai digunakan untuk mengaplikasikan teknik titik -titik dalam proses menggubah sesuatu lukisan. Antara berikut, yang manakah merujuk alat dan media tersebut?

A. Pen teknikal.
B. Pensel.
C. Berus dan dakwat.
D. Arang.

15. Pelukis tempatan ini sering menyampaikan mesej beliau melalui gambar alam kanak-kanak.

A. Dzulkifli Buyong.
B. Ismail Mustam.
C. Abdul Latif Mohidin.
D. Zulkifli Mohd Dahlan.

16. Seni teknik arca yang boleh bergerak, berputar dan berombak dikenali sebagai____

A. Arca binaan.
B. Arca stabil.
C. Arca timbulan.
D. Arca mobail.



17. Nyatakan jenis simbol di atas?
A. Simbol sukan.
B. Simbol amaran.
C. Simbol maklumat.
D. Semua di atas.



18. Teknik apakah yang sesuai digunakan untuk membentuk arca daripada seketul kayu seperti gambar rajah di atas?
   A. Teknik binaan.
   B. Teknik timbulan.
   C. Teknik luakan.
   D. Teknik lorekan.

19. Antara berikut, jenis pokok yang manakah memberi kesan teduhan yang paling berkesan pada waktu tengah hari?

I.  II.  III.  IV. 

   A. I dan II.
   B. I dan III.
   C. I dan IV.
   D. III dan IV.

20. Antara penyataan berikut,yang manakah benar tentang iklan televisyen?
   I Imej ditunjukkan berulang kali.
   II Mesti diiringi dengan bunyi muzik.
   III Iklan mestilah menggunakan dialog.
   IV Mesej disampaikan melalui visual yang berkesan.

   A. I dan II.
   B. II dan III.
   C. III dan IV.
   D. I dan IV.



21. Huruf di atas yang telah dipergayakan melambangkan huruf________.
   A. T.
   B. S.
   C. J.
   D. L.

**BARANGAN ELEKTRIK, ALAT TULIS, PINGGAN MANGKUK, JAM TANGAN**

22. Maklumat di atas merupakan pelbagai jenis reka bentuk industri. Nyatakan jenis reka bentuk tersebut.

    A. Reka bentuk grafik.
    B. Rekabentuk domestik.
    C. Reka bentuk multimedia.
    D. Reka bentuk peralatan plastik.



23. Apakah teknik membentuk tembikar yang digunakan seperti gambar rajah di atas?
    A. Teknik putaran.
    B. Teknik lingkaran.
    C. Teknik kepingan.
    D. Teknik picitan.

**Soalan 24** *berpandukan gambar rajah di bawah.*




24. Tumbuhan lanskap manakah paling sesuai di tanam di kawasan yang sempit dan terhad ruangnya?
    A. I, II dan III
    B. I, II dan IV
    C. I, III dan IV
    D. II, III dan IV

25. Mengapakah ruang makan tidak memerlukan perabot dan hiasan yang keterlaluan?

    A. Supaya mudah dikemas.
    B. Kerana ruang ini bukan ruang tempat menerima tetamu.
    C. Supaya lebih perhatian dapat ditumpukan kepada ruang lain.
    D. Kerana ruang ini hanya digunakan pada waktu makan sahaja.




26. Di ruang manakah maklumat seperti bilangan, cetakan, tajuk, nama dan tarikh di catatkan dalam proses pembingkaian hasil cetakan di dalam gambar rajah di atas?
    A. I.
    B. II.
    C. III.
    D. IV



27. Apakah kenyataan yang benar tentang reka bentuk produk di atas?

    I. Sesuai untuk menyimpan semua jenis produk cecair
    II. Lengkungan pada bentuknya menjadikan ia lebih artistik
    III. Bentuknya selesa jika dipegang untuk jangka waktu yang lama
    IV. Reka bentuknya dapat mengelakkan ia terlepas daripada genggaman

    A. I,II dan III.
    B. II,III dan IV.
    C. I,II dan IV.
    D. I,III dan IV.

28. Sebuah ruang akan kelihatan sempit jika warna yang berikut digunakan____.

    I. perang.
    II. biru tua.
    III. kuning susu.
    IV. putih mutiara.

    A. I dan II.
    B. II dan III.
    C. III dan IV.
    D. I dan IV.

29. Apakah jenis lukisan yang di gunakan bagi menunjukkan ruang hiasan dalaman di bawah?



A. Lukisan model.
B. Lukisan perspektif.
C. Lukisan pelan lantai.
D. Lukisan pandangan sisi.

| Beliau menghasilkan karya yang menggambarkan alam fantasi dan alam bawah sedar serta melanggar hukum logik |
|---|

30. Siapakah artis yang dimaksudkan oleh penyataan di atas?

A. Salvador Dali.
B. Andy Warhol.
C. Georges Braque.
D. Claude Monet.

31. Tembikar Labu Sayong berasal dari negeri ________.
A. Perak.
B. Kedah.
C. Sarawak.
D. Kelantan.

32. Antara berikut, yang manakah merupakan tembikar Mambong?



A. B. C. D.

33. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan warna merah daun anyaman ialah____.

A. kunyit.
B. daun mengkudu.
C. buah pokok arang.
D. buah kesumba India.



34. Alat dalam gambar rajah di atas dinamakan______________.
    A. jangka.
    B. pelurut.
    C. kikir pari.
    D. pemotong.



35. Pola yang digunakan dalam ukiran kayu tradisional di atas ialah_________.

    A. kekisi.
    B. bujang.
    C. lengkap.
    D. pemidang.

36. Apakah tujuan mencampurkan ***soda ash*** dalam air semasa merebus kain batik yang telah dicelup dengan perwarna?

    A. membersihkan kain.
    B. mengekalkan warna kain.
    C. menanggalkan kesan lilin pada kain.
    D. mengelakkan warna kain daripada luntur.

**Soalan 37 dan 38** *berdasarkan maklumat di bawah*

| | |
|---|---|
| **i)** | **Menekap corak pada permukaan kayu** |
| **ii)** | **Melurut dan mengukir menggunakan pisau wali untuk membentuk silat** |
| **iii)** | **Melukis corak pada kertas** |
| **iv)** | **Memahat bahagian latar belakang sedalam ½ inci** |

37. Susun langkah-langkah proses mengukir di atas mengikut urutan yang **BETUL.**
    A. III, II, I dan IV.
    B. I, III, II dan IV.
    C. III, I, IV dan II.
    D. I, II, III dan IV.

38. Langkah-langkah di atas merupakan proses ukiran kayu jenis__________.
    A. arca.
    B. larik.
    C. ukiran tembus terus.
    D. ukiran bunga timbul.

~~D. ukiran bunga timbul~~.

Alat **X** →



39. Apakah fungsi alat X di atas ?
    A. Melilit benang.
    B. Menjahit benang.
    C. Penengak kain dasar semasa kain ditekat.
    D. Memotong benang dan corak pada permukaan mempulur

40. Antara berikut, yang manakah merupakan motif isen dalam batik?



A.



B.



C.



D.



41. Alat di atas digunakan dalam batik________________.
    A. tulis.
    B. skrin.
    C. terap.
    D. pelangi.

42. Alat di bawah digunakan untuk tenunan kain______________.



A. pua.
B. sarung.
C. songket.
D. selendang.



43. Siapakah yang dikaitkan dengan kraf tangan keris di atas?
    I. Haji Abdul Rahman bin Long.
    II. Abdullah bin Daud.
    III. Zamari bin Pandak Ahmad.
    IV. Tengku Ibrahim bin Tengku Wook.

    A. I dan II.
    B. I dan III.
    C. I dan IV.
    D. II dan III.

44. Antara pelukis berikut, siapakah yang telah menubuhkan Kumpulan Anak Alam?
    A. Tay Hooi Keat.
    B. Dzulkifli Buyong.
    C. Abdul Latiff Mohaidin.
    D. Muhammad Hossein Enas.

**Soalan 45** *berdasarkan gambar rajah di bawah.*



45. Apakah yang cuba digambarkan oleh Syed Ahmad Jamal dalam catan di atas?

    A. Kehidupan alam bawah sedar.
    B. Umpan yang digunakan pada mata kail.
    C. Budaya masyarakat yang berbilang kaum.
    D. Unsur kuasa tenaga yang bertentangan antara satu sama lain.

| |
|---|
| **Beliau menerima anugerah Adiguru Kraf dalam bidang Pandai Besi daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pada tahun 1983.** |

46. Siapakah tokoh yang dimaksudkan di atas?
    A. Abdullah Daud.
    B. Ismail Muhammad.
    C. Haji Ibrahim Ismail.

D. Haji Abdul Rahman Long.

47. Apakah jenis kepala perahu yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah?



A. Bangau kolek.
B. Bangau bedar.
C. Bangau sekoci.
D. Bangau perahu payung.

48. Pada kedudukan yang manakah ukiran bangau diletakkan pada perahu nelayan Pantai Timur?
A. Tepi.
B. Bawah.
C. Tengah.
D. Hadapan.

49. Apakah maksud rumah berpanggung?

A. Rumah bertiang, berlantai tinggi dan berbumbung lipat kajang.
B. Rumah bertiang, berdinding anyaman buluh dan beratap rumbia.
C. Rumah bawah, tidak bertanga dan mempunyai beranda yang luas.
D. Rumah panjang, mempunyai serambi dan bumbung Minangkabau.

50. Pakaian di bawah sesuai dipadankan dengan__________.



A. kain sarung lepas.
B. kain sarung panjang.
C. kain sarung lipat kipas.
D. kain sarung ombak beralun.